

Butir-butir pendapatan apa yang perlu saya beri untuk menerima Family Tax Benefit (Faedah Cukai Keluarga) dan Child Care Benefit (Faedah Penjagaan Anak)?



Income Details—Malay

Untuk menerima bayaran Family Tax Benefit (Faedah Cukai Keluarga) setiap dua minggu dan/atau Child Care Benefit (Faedah Penjagaan Anak) sebagai potongan yuran, anda perlu memberi anggaran pendapatan boleh cukai keluarga anda yang telah disesuaikan. Lembar fakta ini memberi anda maklumat mengenai pelbagai jenis pendapatan yang mesti anda beritahu kepada Family Assistance Office (Pejabat Bantuan Keluarga).

Pendapatan boleh cukai yang disesuaikan

Pendapatan boleh cukai yang disesuaikan dikira seperti berikut:

- pendapatan boleh cukai
- TAMBAH faedah sampingan boleh lapor
- TAMBAH nilai sebarang pencen atau faedah bebas cukai
- TAMBAH nilai sebarang kerugian bersih hartanah sewa
- TAMBAH sebarang pendapatan luar negara yang tidak boleh dikenakan cukai di Australia
- TOLAK jumlah penuh sebarang sokongan anak yang dibayar oleh anda dan/atau pasangan anda

Pendapatan boleh cukai

Sebarang pendapatan untuk mana anda membayar cukai dipanggil pendapatan boleh cukai, yang merupakan jumlah yang masih tinggal setelah semua potongan anda yang dibenarkan telah ditolak daripada pendapatan boleh taksir anda.

Penting sekali agar anda dan pasangan anda mengajukan permohonan pengembalian cukai (atau beritahu Family

Assistance Office jika anda tidak perlu mengajukan permohonan pengembalian cukai).

Jika anda dan/atau pasangan anda mengajukan permohonan pengembalian cukai, pendapatan boleh cukai anda ditunjukkan pada Pemberitahuan Taksiran yang diterima oleh anda dan/atau pasangan anda daripada Pejabat Cukai. Pemberitahuan tahun lepas mungkin membantu anda menganggarkan pendapatan anda untuk tahun ini.

Pendapatan boleh cukai termasuk gaji dan upah, bayaran sekaligus, perniagaan atau usaha sendiri, pelaburan, hartanah, pencen dan faedah Kerajaan seperti Parenting Payment (Bayaran Ibu Bapa), or Newstart Allowance (Elaun Newstart).

Faedah Sampingan Boleh Lapor

Faedah Sampingan merupakan faedah tambahan yang diberi oleh majikan tertentu. Anda perlu memberitahu Family Assistance Office tentang sebarang faedah sampingan yang diterima oleh anda atau pasangan anda daripada majikan. Ini mungkin termasuk:

- membantu anda membayar sewa atau pinjaman perumahan;
- memberi telefon rumah atau kereta;
- membayar yuran sekolah/penjagaan anak anda; **atau**
- membayar premium insurans kesihatan anda.

Tanyalah majikan anda berapa jumlah faedah sampingan boleh lapor yang akan tercatat pada Penyata Bayaran anda.

We speak your language 📞 13 1202

www.familyassist.gov.au



Australian Government
Family Assistance Office

Pencen dan faedah kerajaan yang bebas cukai

Anda perlu memberitahu Family Assistance Office tentang sebarang pendapatan daripada pencen dan faedah yang diterima oleh anda atau pasangan anda melalui Centrelink atau Veterans' Affairs (Hal Ehwal Veteran).

Kerugian bersih hartanah sewa

Kerugian bersih hartanah sewa merupakan kerugian daripada hartanah yang anda laporkan dalam permohonan pengembalian cukai anda untuk tahun kewangan. Kerugian bersih hartanah sewa ditambah pada pendapatan boleh cukai anda yang disesuaikan, untuk bantuan keluarga.

Pendapatan Luar Negara

Pendapatan luar negara merupakan sebarang pendapatan dari luar negara yang diterima oleh anda atau pasangan anda, yang tidak boleh dikenakan cukai di Australia. Anda akan perlu menukar pendapatan asing anda ke dolar Australia dan menyertakan jumlah ini dalam pendapatan boleh cukai yang disesuaikan untuk bantuan keluarga.

Sokongan anak yang dibayar oleh anda atau pasangan anda

Sokongan anak merupakan bayaran yang dibayar oleh anda atau pasangan semasa anda, untuk menyokong anak kandung atau anak angkat anda daripada hubungan sebelumnya.

Sebarang sokongan anak yang anda bayar pada tahun kewangan akan ditolak daripada anggaran pendapatan anda.

Anda harus menyimpan bukti sokongan anak yang anda bayar kerana anda mungkin diminta membuktikan jumlah ini.

Untuk maklumat lanjut:

- Hubungilah Family Assistance Office (Pejabat Bantuan Keluarga) pada nombor **13 1202** antara pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Waktu Standard Timur) Isnin hingga Jumaat untuk maklumat dalam bahasa Melayu.
- Kunjungilah tapak web di **www.familyassist.gov.au**
- Kunjungilah Family Assistance Office terdekat di pejabat Medicare Australia, Pusat Pelayanan Pelanggan Centrelink dan cawangan Pejabat Cukai.